

ULASAN KEPADA LAPORAN DALAM KENYATAAN AKHBAR BERIKUT:

BERITA HARIAN BERTARIKH 26 APRIL 2013 BERTAJUK:

NASIHAT USAH GUNA PRODUK KOSMETIK TABITA.

1. Laporan akhbar Berita Harian bertarikh 26 April 2013 telah memetik kenyataan yang dikeluarkan oleh "*Health Sciences Authority* (HSA)" berkenaan larangan penggunaan produk jenama **Tabita Skincare** iaitu **Tabita Skincare Smooth Lotion**, **Tabita Skincare Daily Cream** dan **Tabita Skincare Nightly Cream** yang dikesan mengandungi bahan terlarang hydroquinone, tretinoin dan merkuri. Produk-produk terlibat juga turut dikesan mengandungi asid salisilik yang tidak diisytiharkan di dalam produk-produk tersebut.
2. Kenyataan dalam artikel tersebut dikeluarkan susulan daripada kesan advers yang diterima oleh pihak HSA berkenaan seorang wanita telah mengalami masalah ruam pada bahagian muka dan leher serta kesan pemutihan yang sangat cepat selepas menggunakan produk-produk tersebut. Produk-produk tersebut tidak dijual di Singapura tetapi dibeli melalui internet dari luar negara.
3. Produk jenama Tabita seperti yang dinyatakan dalam artikel tersebut adalah **tidak bernetifikasi** dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Oleh itu, produk tersebut **tidak dibenarkan** untuk berada dalam pasaran negara ini. Pengguna yang telah membeli melalui internet atau sedang menggunakan produk jenama Tabita tersebut dinasihatkan agar **memberhentikan** penggunaan produk-produk ini dengan **serta merta** kerana ia boleh membawa kesan mudarat.
4. Pengguna diingatkan supaya lebih berhati-hati ketika membuat pembelian produk kesihatan termasuk kosmetik daripada sumber yang diragui seperti internet. Ini kerana produk kosmetik yang **tidak bernetifikasi** boleh membawa risiko kerana kandungan bahan di dalam produk berkenaan tidak dapat dikenalpasti atau disahkan dari segi kualiti dan keselamatannya.

5. Produk kosmetik tidak boleh mengandungi bahan terkawal seperti tretinoin dan hydroquinone yang biasanya digunakan untuk tujuan merawat masalah kulit dan hanya boleh dibekalkan oleh doktor atau ahli farmasi berdaftar. Produk yang mengandungi tretinoin dan hydroquinone jika digunakan tanpa pengawasan profesional kesihatan boleh menyebabkan pelbagai kesan sampingan seperti bahagian kulit yang disapu menjadi kemerahan, tidak selesa, pedih, mengelupas, hipersensitif kepada cahaya matahari dan perubahan kepada warna kulit.

6. Produk kosmetik yang dicampurpalsu dengan merkuri dengan tujuan mencerahkan kulit dan rawatan anti penuaan seperti masalah jeragat, kulit tidak sekata dan kedutan adalah tidak dibenarkan dan boleh memudaratkan kesihatan. Merkuri yang terkandung dalam produk kosmetik boleh menyebabkan kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf. Ia juga boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau yang belum dilahirkan. Penggunaan produk yang mengandungi merkuri boleh juga menyebabkan ruam, iritasi dan perubahan lain pada kulit. Selain itu, kandungan asid salisilik yang tinggi di dalam produk kosmetik boleh menyebabkan kulit menjadi kering, kemerahan dan mengalami masalah iritasi

7. Pengguna boleh merujuk kepada laman web rasmi BPFK bagi memastikan status notifikasi produk kosmetik sebelum membeli sesuatu produk kosmetik di pasaran. Pengguna juga dinasihatkan untuk menghubungi pihak BPFK di talian 03-78835532/5533/8495 atau emailkan kepada kosmetik@bpfk.gov.my sekiranya terdapat sebarang keraguan berhubung dengan produk-produk kosmetik.

8 Mei 2013